



Perkara IV

HUBUNGAN INDUSTRI



1. Pendedahan Industri (IndEx)

Program IndEx merupakan satu program singkat yang memberi pendedahan industri kepada pelajar tahun 1 UniMAP. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam program ini adalah berbentuk taklimat, dialog dan demonstrasi. Pusat Kerjasama Industri telah mengadakan aktiviti dengan kerjasama daripada sektor-sektor industri kecil, firma R&D, badan-badan profesional dan badan-badan kerajaan. Program ini akan dijadikan penanda aras dalam menentukan sama ada pelajar layak untuk mengikut program IndEnt pada tahun 2 kelak.

Objektif program ini ialah untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang bentuk pekerjaan yang bakal diceburi, membuka minda pelajar-pelajar dengan membina keyakinan diri untuk berjaya di dalam bidang yang diceburi, mempertingkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan di dalam bidang industri, membantu UniMAP di dalam melahirkan jurutera profesional yang terdidik, terlatih dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang aspek keusahawanan kejuruteraan.

Program ini telah dijalankan pada:

(a) 10 – 11 Mei 2008 (IndEx 2008)

- Telah diadakan di Dewan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Kuala Perlis.
- Melibatkan seramai 1300 orang pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 lepasan Diploma bagi Program Sarjana Muda.

(b) 2 - 3 Ogos 2008 (IndEx Diploma 2008)

- Telah diadakan di Dewan Capitol UniMAP, Kangar.
- Melibatkan seramai 243 orang pelajar Tahun 1 Program Diploma.

Antara pihak industri yang terlibat adalah seperti:

Bil	Nama Industri Terlibat	Penceramah
1.	Dream Catcher Consulting Sdn. Bhd. 303-5-5 & 303-5-6 Blok B, Kristal Point, Jln Sultan Azlan Shah, 11900 Sg Nibong, Penang	Dr Hor Poh Jin (Principal Consulting)
2.	Siemens VDO Instruments MY Sdn. Bhd. Human Resources 2455, MK1, Tingkat Perusahaan 2A, Prai Industrial Estate, 13600 Prai, Penang	Shaharulniza Mohd Salleh (HR Executive)
3.	C-Rad Technologies Sdn. Bhd. Suite 3.08, IT Centre, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah	Mohd Radzi Mohd Noor (Managing Director)
4.	Silterra Malaysia Sdn. Bhd. Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah	Nor Asmah Zainal Abidin (HR Executive)



Lawatan SIRIM



Karnival Kerjaya 2008



Lawatan KHTPC



Lawatan Infineon & NCER

Bil	Nama Industri Terlibat	Penceramah
5.	Continental Corporation Sdn. Bhd. Human Resources 2455, MK1, Tingkat Perusahaan 2A, Prai Industrial Estate, 13600 Prai, Penang	Shaharulniza Mohd Salleh (HR Executive)
6.	Jobmarket Malaysia Sdn. Bhd. Wisma BASIS, No. 22-24, Lrg Medan Tuanku 1, Off Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50300 Kuala Lumpur	Shafinaz Ahmad (Career Consultant)

2. Kursus Keusahawanan Teknologi (IndEnt 01-2008)

Program IndEnt merupakan satu program singkat yang memberi pendedahan keusahawanan kepada pelajar Tahun 2 UniMAP. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam program ini adalah berbentuk taklimat, dialog dan demonstrasi. Pusat Kerjasama Industri telah mengadakan aktiviti dengan kerjasama daripada sektor-sektor industri kecil, firma R&D, badan-badan profesional dan badan-badan kerajaan. Program ini telah dicadangkan supaya menjadi sebahagian daripada Kursus Keusahawanan I yang bakal ditawarkan. Program ini juga disertai oleh pakar-pakar keusahawanan, teknopreneur-teknopreneur yang berjaya dan penasihat-penasihat pembiayaan dan logistik bagi mempertingkatkan keberkesanan program ini. Program IndEnt 01-2008 telah dijalankan pada 27 Mac 2008 bertempat di Dewan Kapitol. Program tersebut dihadiri semua pelajar tahun dua bagi setiap Pusat Pengajian di UniMAP. Penceramah yang hadir adalah Professor Howard H. Frederick, Professor of Innovation & Enterpreneurship daripada Universiti New Zealand dan menyampaikan ceramah yang bertajuk "*Entrepreneurship in Engineering Culture*"

Objektif program ini ialah memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar UniMAP mengenai panduan memajukan diri sebagai usahawan di dalam bidang industri teknologi yang berdasarkan kejuruteraan, membuka minda pelajar-pelajar dengan membina keyakinan diri untuk berjaya di dalam bidang yang diceburi, mempertingkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan di dalam bidang keusahawanan, membantu UniMAP di dalam melahirkan jurutera yang profesional yang terdidik, terlatih dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri, mendedahkan kepada pelajar tentang aspek keusahawanan kejuruteraan dan mempertingkatkan kefahaman pelajar dalam mendalam keusahawanan.

3. Lawatan Industri

Pusat Kerjasama Industri telah menyelaraskan beberapa siri lawatan ke industri-industri. Sila rujuk halaman 76.

4. Program Latihan Industri (InTra)

Latihan Industri (InTra) di Universiti Malaysia Perlis adalah merupakan salah satu kursus yang wajib diduduki oleh semua pelajar Tahun 3 UniMAP yang mana ianya adalah untuk memenuhi syarat yang telah ditentukan oleh "Board of Engineers Malaysia". Dalam program Latihan Industri (InTra) ini terdapat prosedur-prosedur

1. Pendedahan Industri (IndEx)

Program IndEx merupakan satu program singkat yang memberi pendedahan industri kepada pelajar tahun 1 UniMAP. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam program ini adalah berbentuk taklimat, dialog dan demonstrasi. Pusat Kerjasama Industri telah mengadakan aktiviti dengan kerjasama daripada sektor-sektor industri kecil, firma R&D, badan-badan profesional dan badan-badan kerajaan. Program ini akan dijadikan penanda aras dalam menentukan sama ada pelajar layak untuk mengikut program IndEnt pada tahun 2 kelak.

Objektif program ini ialah untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang bentuk pekerjaan yang bakal diceburi, membuka minda pelajar-pelajar dengan membina keyakinan diri untuk berjaya di dalam bidang yang diceburi, mempertingkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan di dalam bidang industri, membantu UniMAP di dalam melahirkan jurutera profesional yang terdidik, terlatih dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang aspek keusahawanan kejuruteraan.

Program ini telah dijalankan pada:

(a) 10 – 11 Mei 2008 (IndEx 2008)

- Telah diadakan di Dewan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Kuala Perlis.
- Melibatkan seramai 1300 orang pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 lepasan Diploma bagi Program Sarjana Muda.

(b) 2 - 3 Ogos 2008 (IndEx Diploma 2008)

- Telah diadakan di Dewan Capitol UniMAP, Kangar.
- Melibatkan seramai 243 orang pelajar Tahun 1 Program Diploma.

Antara pihak industri yang terlibat adalah seperti:

Bil	Nama Industri Terlibat	Penceramah
1.	Dream Catcher Consulting Sdn. Bhd. 303-5-5 & 303-5-6 Blok B, Kristal Point, Jln Sultan Azlan Shah, 11900 Sg Nibong, Penang	Dr Hor Poh Jin (Principal Consulting)
2.	Siemens VDO Instruments MY Sdn. Bhd. Human Resources 2455, MK1, Tingkat Perusahaan 2A, Prai Industrial Estate, 13600 Prai, Penang	Shaharulniza Mohd Salleh (HR Executive)
3.	C-Rad Technologies Sdn. Bhd. Suite 3.08, IT Centre, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah	Mohd Radzi Mohd Noor (Managing Director)
4.	Silterra Malaysia Sdn. Bhd. Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah	Nor Asmah Zainal Abidin (HR Executive)



Lawatan SIRIM



Karnival Kerjaya 2008

Bil	Nama Industri Terlibat	Penceramah
5.	Continental Corporation Sdn. Bhd. Human Resources 2455, MK1, Tingkat Perusahaan 2A, Prai Industrial Estate, 13600 Prai, Penang	Shaharulniza Mohd Salleh (HR Executive)
6.	Jobmarket Malaysia Sdn. Bhd. Wisma BASIS, No. 22-24, Lrg Medan Tuanku 1, Off Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50300 Kuala Lumpur	Shafinaz Ahmad (Career Consultant)



Lawatan KHTPC



Lawatan Infineon & NCER

2. Kursus Keusahawanan Teknologi (IndEnt 01-2008)

Program IndEnt merupakan satu program singkat yang memberi pendedahan keusahawanan kepada pelajar Tahun 2 UniMAP. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam program ini adalah berbentuk taklimat, dialog dan demonstrasi. Pusat Kerjasama Industri telah mengadakan aktiviti dengan kerjasama daripada sektor-sektor industri kecil, firma R&D, badan-badan profesional dan badan-badan kerajaan. Program ini telah dicadangkan supaya menjadi sebahagian daripada Kursus Keusahawanan I yang bakal ditawarkan. Program ini juga disertai oleh pakar-pakar keusahawanan, teknopreneur-teknopreneur yang berjaya dan penasihat-penasihat pembiayaan dan logistik bagi mempertingkatkan keberkesanan program ini. Program IndEnt 01-2008 telah dijalankan pada 27 Mac 2008 bertempat di Dewan Capitol. Program tersebut dihadiri semua pelajar tahun dua bagi setiap Pusat Pengajian di UniMAP. Penceramah yang hadir adalah Professor Howard H. Frederick, Professor of Innovation & Entrepreneurship daripada Universiti New Zealand dan menyampaikan ceramah yang bertajuk "*Entrepreneurship in Engineering Culture*"

Objektif program ini ialah memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar UniMAP mengenai panduan memajukan diri sebagai usahawan di dalam bidang industri teknologi yang berdasarkan kejuruteraan, membuka minda pelajar-pelajar dengan membina keyakinan diri untuk berjaya di dalam bidang yang diceburi, mempertingkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan di dalam bidang keusahawanan, membantu UniMAP di dalam melahirkan jurutera yang profesional yang terdidik, terlatih dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri, mendedahkan kepada pelajar tentang aspek keusahawanan kejuruteraan dan mempertingkatkan kefahaman pelajar dalam mendalamai kursus keusahawanan.

3. Lawatan Industri

Pusat Kerjasama Industri telah menyelaraskan beberapa siri lawatan ke industri-industri. Sila rujuk halaman 76.

4. Program Latihan Industri (InTra)

Latihan Industri (InTra) di Universiti Malaysia Perlis adalah merupakan salah satu kursus yang wajib diduduki oleh semua pelajar Tahun 3 UniMAP yang mana ianya adalah untuk memenuhi syarat yang telah ditentukan oleh "Board of Engineers Malaysia". Dalam program Latihan Industri (InTra) ini terdapat prosedur-prosedur

tertentu yang perlu diikuti. Ianya boleh dirujuk pada klausula 6.1.2 : " Requirements for Degree Programme". Di dalam klausula ini dinyatakan bahawa :

"Industrial training shall be for a minimum of a two month duration to qualify for consideration under the related subjects. Credit hours allowed are 2 credit hours for the first two months and 2 credit hours per month for the following months, subject to a maximum of 6 credit hours. The training shall be adequately structured, supervised and recorded in logbooks/reports."

Tempoh latihan yang ditetapkan adalah berbeza di antara satu sama lain sepetimana yang telah dipersetujui oleh pihak industri dan pelajar. Pelajar akan ditempatkan di industri mengikut kesesuaian bidang dalam tempoh selama 6 bulan. Program ini akan menyumbangkan unit kredit kepada keputusan kursus EIT300.

Senarai penempatan pelajar dan maklumat Latihan Industri yang dijalankan oleh pelajar-pelajar Universiti Malaysia Perlis bagi sesi 2007/2008. Sila rujuk halaman 76.

5. Majlis Makan Malam Bersama Industri

Majlis Makan Malam Bersama Industri telah dilaksanakan oleh Pusat Kerjasama Industri dengan kerjasama Pasukan InTeam (Industrial Networking Team for Engineering and Management) UniMAP di Dewan Tabung Haji, Pulau Pinang pada 18 April 2008 dan di Dewan Perdana Felda, KL pada 25 April 2008. Pilihan tempat adalah berdasarkan tempat pelajar menjalani Latihan Industri dan juga di kawasan industri yang dikenalpasti yang mempunyai prospek kerjasama pada masa depan.

Butiran Majlis Makan Malam Bersama Industri ini adalah seperti di bawah:

a) Majlis Makan Malam Bersama Industri Zon I (Pulau Pinang)

Tarikh : 18hb April 2008
Masa : 8.00 Malam – 11.00 Malam
Tempat : Dewan Tabung Haji, Pulau Pinang

Majlis Makan Malam Bersama Industri di Pulau Pinang telah diadakan di Dewan Tabung Haji. Majlis ini telah dihadiri seramai tiga ratus (300) orang wakil industri. Di antara VIP yang hadir untuk memeriahkan majlis tersebut ialah Puan Shidah Ahmad, Vice President of Asia Manufacturing Centers and General Manager of Agilent Technologies Sdn. Bhd, En. Razwan Ahmad, Ketua Operasi AJV Elektronik dan En. Koichi Saito, General Manager Rohm Wako Electronics (M) Sdn. Bhd. Dalam majlis tersebut, Puan Shidah Ahmad daripada Agilent Technologies Sdn. Bhd. menjadi wakil kepada pihak industri menyampaikan ucapan mengenai perspektif industri terhadap UniMAP.

b) Majlis Makan Malam Bersama Industri Zon II (Kuala Lumpur)

Tarikh : 25hb April 2008
Masa : 8.00 Malam – 11.00 Malam
Tempat : Dewan Perdana Felda, Kuala Lumpur



Lawatan Pelajar UniMAP ke SIRIM



Majlis Penyampaian Sijil Program AUDP 2008



Majlis Makan Malam Bersama Industri

Majlis Makan Malam Bersama Industri di Kuala Lumpur telah diadakan di Dewan Perdana Felda. Majlis ini telah dihadiri seramai dua ratus tujuh puluh (270) orang wakil industri. Di antara VIP yang hadir untuk memeriahkan majlis tersebut ialah En. Jerome Ragavan, Managing Director Spansion KL, En. Abd Ghani Bin Botok, Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Dr. Shahruddin Muslimin, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TM Research & Development Sdn. Bhd, Wan Shaharuddin Wan Mahmood, Senior Vice President (Business Development) Sapura Holding Sdn Bhd, En. Lee San Ming, General Manager Rohm-Wako Electronic (M) Sdn Bhd, Puan Hasmah Ismail, Vice President MIMOS. Dalam majlis tersebut, En. Jerome Ragavan daripada Spansion KL menjadi wakil kepada pihak industri menyampaikan ucapan mengenai perspektif industri terhadap UniMAP. Dalam majlis ini, pihak UniMAP telah menganugerahkan trofi penghargaan kepada beberapa industri yang menempatkan pelajar latihan industri 2007/08 di antaranya Spansion Sdn Bhd, Skyline SDM Sdn Bhd, MIMOS Bhd dan Maya Maju Sdn. Bhd.

6. Perkhidmatan Perundingan

(a) Agilent-UniMAP Development Program For Associate Product Test Engineer (AUDP)

Program ini adalah sebuah program yang akan melibatkan Agilent Technologies (M) Sdn. Bhd. sebagai pihak yang menyediakan peserta (juruteknik) dan UniMAP sebagai sumber kepakaran akademik dan Dream Catcher Consulting Sdn. Bhd. sebagai penyedia prasarana serta Kulim Technology Management Sdn Bhd (KTMSB) menyediakan perkhidmatan lesen pendaftaran dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad bagi tujuan tuntutan bayaran. Kualiti pengajaran/pembelajaran serta kurikulum dan silibus adalah setanding dengan apa yang dilaksanakan di UniMAP. Peserta program yang telah mengikuti dengan jayanya setiap modul (subject) akan diberikan sijil 'Certificate of Completion'. Program AUDP ini telah memasuki program ke tiga iaitu AUDP III.

Program kerjasama ini adalah bertujuan melatih juruteknik-juruteknik Agilent Technologies (M) Sdn. Bhd. untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang – bidang berkaitan berdasarkan kurikulum UniMAP. Di samping itu, ianya juga bertujuan meningkatkan kualiti dan pengiktirafan terhadap UniMAP oleh pihak industri dan antarabangsa. Program ini seterusnya akan dikembangkan untuk meliputi seberapa banyak syarikat elektronik Multi-Nasional di sekitar Pulau Pinang mengikut keupayaan.

(b) Program INSEP (Industrial Skills Enhancement Program)


UniMAP melalui Pusat Kerjasama Industri dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik telah mengadakan kerjasama dengan pihak Selangor Human Resource Development Center (SHRDC). Melalui kerjasama dengan SHRDC, Program INSEP ini melibatkan kerjasama tiga pihak iaitu UniMAP-PSDC dan juga Infineon Technologies (Kulim) Sdn. Bhd. Program INSEP UniMAP-SHRDC-Infineon dijalankan pada 12 Mei 2008 hingga 12 Jun 2008 bertempat di Makmal Fabrikasi Mikroelektronik, Analisis Kegagalan dan Fizik Semikonduktor UniMAP. Pelajar-pelajar pada mulanya akan mengikuti kursus secara teori di SHRDC dan akan dihantar ke UniMAP untuk mengikuti kursus secara amali. Setelah tamat menjalani latihan amali

di UniMAP, para pelajar tersebut akan dihantar ke Infineon untuk menjalani latihan industri.

Program INSEP ini direkabentuk khusus bagi graduan di dalam bidang-bidang kritikal bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka supaya mampu bersaing di dalam pasaran pekerjaan. Program ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia iaitu di dalam bentuk yuran latihan serta elaua sara hidup secara bulanan bagi calon yang berkelayakan.


LAMPIRAN : Lawatan Industri

Bil	Nama Syarikat	PPK Terlibat	Tarikh
1.	Continental Sime Tyre	PPK Alam Sekitar	18 Mac 08
2.	SIRIM Berhad	PPK Bahan /Pembuatan	20 Feb 08
3.	APM Automotive Holdings Bhd	PPK Pembuatan	20 Feb 08
4.	Skyline SDM Sdn Bhd	PPK Pembuatan	20 Feb 08
5.	Spansion LCC Penang	PPK Mikroelektronik	20 Feb 08
6.	Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd	PPK Pembuatan/ Bahan / KMUTT	24 Nov 08
7.	Pentamaster Corporation (M) Sdn. Bhd.	PPK Sistem Elektrik / KMUTT	25 Nov 08
8.	Intel Technology (M) Sdn Bhd	PPK Komputer & Perhubungan /KMUTT	25 Nov 08
9.	Motorola Technology Sdn Bhd	PPK Komputer & Perhubungan / Mekatronik /KMUTT	25 Nov 08
10.	Information Technology Centre	PPK Mekatronik /Pembuatan / KMUTT	26 Nov 08
11.	Spansion (KL) Sdn Bhd	PPK Mikroelektronik /KMUTT	27 Nov 08




Program Career Talk oleh Syarikat Infineon Kulim

LAMPIRAN : Program Latihan Industri (InTra) Bagi Tahun 2007/2008



Latihan Industri Pada Tahun 2007/2008 Mengikut Program Pengajian



Latihan Industri Pada Tahun 2007/2008 Mengikut Industri